

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 4 MAC 2017 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Rembau laksana pembuangan sampah kitar semula iCycle	Utusan Online
2.	Rembau laksana konsep ‘buang sampah dan tebus ganjaran’	BERNAMA
3.	Rembau laksana konsep ‘buang sampah dan tebus ganjaran’	KOSMO Online

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 4 MAC 2017 (SABTU)**



Rembau Laksana Konsep 'Buang Sampah Dan Tebus Ganjaran'

REMBAU, 4 Mac (Bernama) -- Rembau menjadi lokasi pertama di negeri ini melaksanakan Sistem Pembuangan Sampah Kering iCycle yang menggunakan konsep 'Buang Sampah dan Tebus Ganjaran'.

Pengasas syarikat kitar semula Icycle Pangkor Environment Tech Sdn Bhd (iCYCLE) Dr Tan Ching Seong berkata sistem ini sudah dilaksanakan di Perak sejak Oktober tahun lepas dan mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat setempat.

"Sistem iCycle menggunakan kaedah pengekodan kod bar yang membolehkan penduduk setempat membuang sampah kitar semula ke dalam tong khas atau iCycle Bin, serta mengumpul mata dan menebus ganjaran sama ada dalam bentuk wang tunai, baucer beli-belah atau barang keperluan."

"Setiap rumah di kawasan ini akan diberikan satu pelekat kod bar yang akan ditampal pada sampah yang boleh dikitar semula. Pihak syarikat kemudiannya akan menimbang sampah tersebut yang mana setiap satu kilogram akan mendapat dua mata, dan satu mata bernilai 5 sen," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Bernama selepas majlis pelancaran Sistem Kitar Semula iCycle dan penutup Program Khidmat Masyarakat MOSTI 2016 : Menghormati Alam Sekitar - Saya Tidak Suka Plastik' peringkat daerah Rembau.

Program anjuran **Yayasan Inovasi Malaysia** dengan kerjasama Pan Pacific South East Asia Women's Association itu disempurnakan isteri anggota Parlimen Rembau Nori Abdullah dan dihadiri 100 peserta.

Tan berkata sebanyak 20 iCycle Bin akan diletakkan di sekitar Rembau bagi memudahkan dan menggalakkan masyarakat setempat mengitar semula sampah kering.

BERITA ONLINE
UTUSAN ONLINE (<https://www.utusan.com.my>)
TARIKH: 4 MAC 2017 (SABTU)



Rembau laksana pembuangan sampah kitar semula iCycle



NORI Abdullah (dua dari kiri) bergambar bersama Lailah Che Mohd. Darus (tengah) dan Tan Ching Seong (kiri) dalam majlis pelancaran iCycle di KRT Taman Seri Rembau Fasa 2, Rembau pagi tadi.-UTUSAN/Md. Shahjehan Maamin

REMBAU 4 Mac - Rembau menjadi lokasi kedua di negara ini yang melaksanakan sistem pembuangan sampah kering sistematik, iCycle.

iCycle merupakan inovasi kitar semula menggunakan sistem kod bar yang dapat merekod sampah kitar semula serta menyediakan pulangan kepada mereka yang menggunakaninya.

Pelancaran sistem kitar semula itu disempurnakan oleh isteri Ahli Parlimen Rembau, Nori Abdullah dalam program 'Menghormati Alam Sekitar - Saya Tidak Suka Plastik' di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Seri Rembau Fasa 2 di sini pagi tadi.

Yang turut hadir Setiausaha Bahagian Perkhidmatan, Pembangunan dan Pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**, Lailah Che Mohd. Darus; Ahli Dewan Undangan Negeri Chembong, Datuk Zaifulbahri Idris dan pengasas iCycle Malaysia, Dr. Tan Ching Seong.

Putrajaya merupakan lokasi pertama yang menggunakan sistem tersebut mulai Oktober tahun lalu. - UTUSAN ONLINE

BERITA ONLINE
KOSMO ONLINE (<http://www.kosmo.com.my>)
TARIKH: 4 MAC 2017 (SABTU)



Rembau laksana konsep 'buang sampah dan tebus ganjaran'.

REMBAU - Rembau menjadi lokasi pertama di negeri ini melaksanakan Sistem Pembuangan Sampah Kering iCycle yang menggunakan konsep 'Buang Sampah dan Tebus Ganjaran'.

Pengasas syarikat kitar semula Icycle Pangkor Environment Tech Sdn Bhd (iCYCLE) Dr Tan Ching Seong berkata sistem ini sudah dilaksanakan di Perak sejak Oktober tahun lepas dan mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat setempat.

"Sistem iCycle menggunakan kaedah pengekodan kod bar yang membolehkan penduduk setempat membuang sampah kitar semula ke dalam tong khas atau iCycle Bin, serta mengumpul mata dan menebus ganjaran sama ada dalam bentuk wang tunai, baucer beli-belah atau barang keperluan.

"Setiap rumah di kawasan ini akan diberikan satu pelekat kod bar yang akan ditampal pada sampah yang boleh dikitar semula. Pihak syarikat kemudiannya akan menimbang sampah tersebut yang mana setiap satu kilogram akan mendapat dua mata, dan satu mata bernilai 5 sen," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Bernama selepas majlis pelancaran Sistem Kitar Semula iCycle dan penutup Program Khidmat Masyarakat MOSTI 2016 : Menghormati Alam Sekitar - Saya Tidak Suka Plastik' peringkat daerah Rembau.

Program anjuran **Yayasan Inovasi Malaysia** dengan kerjasama Pan Pacific South East Asia Women's Association itu disempurnakan isteri anggota Parlimen Rembau Nori Abdullah dan dihadiri 100 peserta.

Tan berkata sebanyak 20 iCycle Bin akan diletakkan di sekitar Rembau bagi memudahkan dan menggalakkan masyarakat setempat mengitar semula sampah kering. - Bernama

Artikel Penuh:

http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=0304&pub=Kosmo&sec=Terkini&pg=bt_09.htm#ixzz4aVe1zhUn